

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
PENGIKLANAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEKERJA BUKAN
PEMASTAUTIN DAN EKSPATRIAT (PEGAWAI DAGANG) DI NEGERI SARAWAK
BIL. 1/2021 | 12 JULAI 2021

1. Apakah objektif Pengesyoran MYFutureJobs sebagai pra-syarat permohonan penggajian pekerja bukan pemastautin dan ekspatriat ?

- Berkuatkuasa 1 Januari 2021, mana-mana majikan yang ingin melaksanakan pengambilan pekerja asing atau ekspatriat hendaklah mengiklankan kekosongan jawatan sekurang-kurangnya 30 hari di Portal MYFutureJobs, di bawah Kementerian Sumber Manusia.
- Majikan turut dikehendaki untuk melaksanakan program temu duga sebagai usaha untuk mengambil pekerja tempatan bagi memenuhi kriteria kekosongan jawatan tersebut sebagai pra-syarat bagi pengambilan pekerja asing atau ekspatriat.
- Walau bagaimanapun, terdapat jenis-jenis jawatan ekspatriat yang dikecualikan daripada pelaksanaan ini seperti di soalan 8.

2. Adakah pengiklanan di Portal MYFutureJobs menjadi prasyarat bagi penggajian pekerja bukan pemastautin dan ekspatriat di Sarawak?

- Ya. Pengiklanan MYFutureJobs adalah prasyarat yang perlu dilaksanakan oleh pihak majikan sebelum melaksanakan penggajian pekerja bukan pemastautin dan ekspatriat.
- Pengesyoran MYFutureJobs akan dilaporkan oleh PERKESO kepada Jabatan Tenaga Kerja Sarawak dan Jabatan Imigresen Sarawak agar dapat dibentangkan dalam sidang Mesyuarat Jawatankuasa Lokalisasi Pekerja Bukan Pemastautin dan Ekspatriat bagi setiap permohonan dari majikan.

3. Apakah jenis pas imigresen yang tertakluk di bawah pelaksanaan ini?

- Pengiklanan di Portal MYFutureJobs dan temu duga hanya terpakai bagi pengambilan ekspatriat melalui Pas Penggajian (Employment Pass) dan juga Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) sahaja.
- Dependant Pass (DP), Social Visit Pass (SVP) – Internship (SVP – I), Visit Pass (VP) , Professional Visit Pass (PVP) adalah tidak tertakluk di bawah pelaksanaan ini.

4. Adakah semua sektor terlibat dalam Pengesyoran MYFutureJobs bagi penggajian Pekerja Bukan Pemastautin dan Ekspatriat ?

- Ya, Pengesyoran MYFutureJobs melibatkan semua sektor yang dibenarkan oleh Kerajaan bagi pengambilan Pekerja Bukan Pemastautin.
- Sektor bagi pengambilan Ekspatriat adalah seperti berikut :
a) Sektor-sektor di bawah National Key Economic Area (NKEA):

NO.	SENARAI SEKTOR NKEA
1	Pertanian (Agriculture)
2	Perkhidmatan Perniagaan (Business Services)
3	Kandungan Komunikasi & Infrastruktur (Communication, Content & Insfrastruktur)
4	Pendidikan (Education)
5	Elektrik & Elektronik (Electric & Electronic)
6	Perkhidmatan Kewangan (Financial Services)
7	Kesihatan (Healthcare)
8	Minyak, Gas & Tenaga (Oil, Gas & Energy)
9	Industri Minyak Kelapa Sawit (Palm Oil)
10	Pelancongan (Tourism)
11	Borong & Runcit (Wholesale & Retail)

- b) Sektor-sektor atau sub-sektor kepada industri SPA, Salon, Restoran, Bistro, *Cyber Cafe*, Rumah Urut, Tekstil dan Kedai Emas sama sekali **TIDAK DIBENARKAN** memohon jawatan Ekspatriat.

5. Apakah langkah – langkah utama yang perlu dilaksanakan oleh majikan bagi permohonan pekerja bukan pemastautin atau ekspatriat?

Langkah- langkah bagi **permohonan Pekerja Bukan Pemastautin** adalah seperti berikut:

- Majikan mengisi Borang PBPPD menerusi pautan : <https://bit.ly/PBPPDPERKESO>
- Menghantar Deraf Iklan (lampiran 4) dengan lengkap ke emel pbppd.sarawak@perkeso.gov.my
- Pendaftaran dan Pengiklanan MYFutureJobs oleh majikan (Pengiklanan Minimum 30 hari dari tarikh kelulusan deraf iklan)
- Pengiklanan menerusi Suratkhbar dan RTM oleh majikan
- Majikan mendapatkan sumber maklumat bakat tempatan melalui portal MYFutureJobs
- Sesi temuduga secara semuka atau dalam talian dilakukan oleh majikan
- Melengkapkan Laporan Pengambilan Pekerja selepas tamat tempoh 30 hari dari tarikh pengiklanan di MYFutureJobs.
- Dapatkan Laporan Pengambilan Pekerja yang telah disahkan oleh Pegawai untuk dibawa ke Jabatan Tenaga Kerja Sarawak untuk proses pembaharuan lesen atau permohonan lesen.

Langkah- langkah bagi **permohonan Ekspatriat** adalah seperti berikut:

- Majikan mengisi Borang PBPPD menerusi pautan : <https://bit.ly/PBPPDPERKESO>
- Majikan perlu mendaftar **iklan jawatan kosong di Portal MYFutureJobs** untuk tempoh **30 hari** serta pastikan semua maklumat jawatan kosong diisi.
- Majikan mendapatkan sumber maklumat bakat tempatan melalui portal MYFutureJobs.
- Sesi temuduga secara semuka atau dalam talian dilakukan oleh majikan.
- Melengkapkan Laporan Pengambilan Pekerja selepas tamat tempoh 30 hari dari tarikh pengiklanan di MYFutureJobs.
- Dapatkan Laporan Pengambilan Pekerja yang telah disahkan oleh Pegawai untuk dibawa ke Jabatan Imigresen Malaysia Sarawak untuk permohonan jawatan ekspatriat di negeri Sarawak.

Rujuk Lampiran 1: Carta alir proses Permohonan Pengesyoran MYFutureJobs.

Jadual A: Senarai Agensi Kawal Selia mengikut skop liputan

SEKTOR	AGENSI
PENDIDIKAN	<ul style="list-style-type: none"> KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI/KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
PERUBATAN	<ul style="list-style-type: none"> (Moden/Tradisional)
	KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
	<ul style="list-style-type: none"> (Doktor bagi klinik/hospital swasta)
	SOCIETY OF PRIVATE MEDICAL PRACTITIONERS SARAWAK
PELANCONGAN	<ul style="list-style-type: none"> KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA
PENERBANGAN	<ul style="list-style-type: none"> CIVIL AVIATION AUTHORITY OF MALAYSIA
SUKAN	<ul style="list-style-type: none"> MAJLIS SUKAN NEGERI SARAWAK
BOLA SEPAK	<ul style="list-style-type: none"> PERSATUAN BOLA SEPAK MALAYSIA
PERTANIAN	<ul style="list-style-type: none"> KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
BIOTEKNOLOGI	<ul style="list-style-type: none"> MALAYSIAN BIOTECHNOLOGY CORP BHD
PERLOMBONGAN	<ul style="list-style-type: none"> JABATAN GALIAN DAN MINERAL/JABATAN TANAH & UKUR SARAWAK
	<ul style="list-style-type: none"> JABATAN KESELAMATAN KESIHATAN PEKERJAAN SARAWAK
PENYIARAN	<ul style="list-style-type: none"> KEMENTERIAN DALAM NEGERI / FINAS
ARKITEK	<ul style="list-style-type: none"> PERSATUAN ARKITEK MALAYSIA
DIVER	<ul style="list-style-type: none"> SARAWAK COMMERCIAL DIVING ASSOCIATION (SCDA) (SOKONGAN SAHAJA)
PERKAYUAN	<ul style="list-style-type: none"> PUSAKA / STIDC
PERKAPALAN	<ul style="list-style-type: none"> JABATAN LAUT MALAYSIA
PEMBINAAN	<ul style="list-style-type: none"> CIDB
PERKILANGAN	<ul style="list-style-type: none"> MITI, MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI
KEDAI BARANGAN LUSUH / KITAR SEMULA	<ul style="list-style-type: none"> LESEN BERNIAGA BARANGAN LUSUH DARI PDRM, KASTAM
KEDAI BORONG (WHOLESALE, RETAIL & TRADE)	<ul style="list-style-type: none"> KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN HAL EHWAL PENGGUNAN (KPDNHEP)

6. Apakah standard pengiklanan yang perlu dipatuhi oleh pihak majikan?

- Setiap pengiklanan di portal MYFutureJobs mestilah bagi satu jenis jawatan sahaja. Majikan tidak dibenarkan mengiklankan multi-jawatan dalam satu pengiklanan. Contoh dibenarkan adalah Senior Human Resource Executive

manakala, contoh tidak dibenarkan adalah Senior Human Resource Executive/ Human Resource Manager.

- **Nama jawatan yang diiklankan mestilah sama dengan nama jawatan yang akan dimohon oleh majikan di Agensi Pelulus dan Jabatan Imigresen Malaysia.** Nama jawatan yang berlainan akan menyebabkan proses permohonan syarikat di Agensi Pelulus dan Jabatan Imigresen Malaysia mengalami kesulitan disebabkan nama jawatan yang berbeza dengan pengiklanan di portal MYFutureJobs.
- **Semua maklumat mandatori pengiklanan di portal MYFutureJobs hendaklah dilengkapkan.** Manual pengguna bagi pengiklanan boleh diakses melalui Laman Web Rasmi PERKESO di www.perkeso.gov.my melalui pautan https://www.perkeso.gov.my/images/hiring_rehiring/010121_-_Employer_Manual_For_Expatriate_FW_v11.pdf
- **Pengiklanan jawatan mestilah melalui akaun syarikat yang memohon bagi penggajian ekspatriat itu.** Pengiklanan jawatan menggunakan akaun MYFutureJobs syarikat lain adalah tidak dibenarkan kerana sebarang kelulusan yang dikeluarkan adalah menggunakan nama syarikat yang mengiklankan jawatan tersebut.
- **Majikan perlu memastikan check box “foreign/expatriate application” dipilih sebagai indikator bahawa pengiklanan adalah sebagai pra-syarat bagi penggajian ekspatriat.** Kegagalan majikan untuk memilih check box tersebut akan menyebabkan data pengiklanan tidak dapat diproses

7. Apakah jenis kategori ekspatriat yang ditetapkan bagi permohonan penggajian ekspatriat?

- Gaji minima ekspatriat adalah RM2,500.00 seperti kategori berikut :

KATEGORI	GAJI MINIMA	TEMPOH KONTRAK	HAD LANJUTAN
Pas Penggajian (PG 1)	>RM 5,000	Lebih dari 24 bulan	Maksimum 5 tahun
Pas Penggajian (PG2)	RM2,500 – RM4,999.99	Kurang 12 bulan	Maksimum 2 tahun

8. Apakah jenis jawatan yang dikecualikan secara automatik daripada pelaksanaan ini?

i. Jawatan Penting (*C-Suite & Key Post*)

Ekspatriat yang bekerja untuk jawatan utama organisasi (key post) seperti Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Operasi dan setaraf.

ii. Jawatan Bergaji RM15,000 dan ke atas

Ekspatriat yang berpendapatan / bergaji pokok bulanan sebanyak RM15,000 dan ke atas.

iii. *Representative Office/ Regional Office (RERO)*

Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau bagi syarikat/ organisasi luar negara dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan adalah pejabat yang ditubuhkan di Malaysia untuk melaksanakan aktiviti bagi pihak ibu pejabat syarikat/organisasi. Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau tidak terlibat dalam sebarang aktiviti komersial. Bagi operasi Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau, majikan tidak perlu berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965. Surat kelulusan/pengesahan MIDA adalah diperlukan bagi permohonan jawatan ekspatriat di bawah kategori ini.

iv. Pelabur/ Pemegang Saham/ Pemilik

Pelabur/Pemegang Saham/Pemilik syarikat yang terlibat secara langsung dalam operasi syarikat. Pelabur adalah individu yang melaburkan dana di Malaysia untuk mendapatkan pulangan pelaburan. Pemegang saham pula hendaklah memegang sekurang-kurangnya 30% ekuiti saham dilantik sebagai Pengarah Syarikat dan/atau memegang jawatan berkepentingan dalam syarikat.

v. Pemindahan Korporat/ Penempatan/ Perjanjian Perdagangan

Bagi kategori ini, pekerja ditugaskan oleh syarikat induk bekerja di syarikat cawangan di Malaysia atau kumpulan syarikat yang bertujuan untuk tujuan latihan/ pertukaran/ perkongsian pengetahuan/ pengalaman antara syarikat, dan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja syarikat.

vi. Pertubuhan Antarabangsa

Organisasi yang tertakluk di bawah Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) (Akta 485) boleh melantik *Foreign Recruited Staff (FRS)* daripada warganegara asing.

vii. Sektor Sukan

Pengambilan atlet/ profesional untuk menyertai mana-mana organisasi/ kelab sukan di dalam negara.

9. Adakah majikan perlu mendapatkan surat pengecualian daripada pengiklanan di Portal MYFutureJobs?

- Tidak. Pengecualian kepada jenis jawatan seperti di soalan 8 adalah secara automatik dan tidak perlu mendapatkan surat pengecualian daripada PERKESO. Majikan boleh terus berurusan dengan Jabatan Imigresen Malaysia Sarawak untuk permohonan jawatan ekspatriat.

10. Apakah tindakan Jabatan Imigresen Malaysia Sarawak sekiranya mendapati jawatan yang dimohon tidak termasuk dalam kategori yang dikecualikan?

- Jabatan Imigresen Malaysia Sarawak perlu memaklumkan kepada pihak majikan untuk melalui proses pengiklanan di Portal MYFutureJobs.

11. Adakah pengiklanan semula masih diperlukan bagi tujuan pembaharuan pas penggajian ekspatriat?

- Tidak. Bagi tujuan lanjutan pas penggajian, majikan tidak perlu mengiklankan semula jawatan kosong yang telah pun diluluskan dan tidak perlu melaksanakan semula proses temu duga.
- Majikan boleh terus berurusan dengan Jabatan Imigresen Malaysia Sarawak bagi tujuan permohonan lanjutan tempoh pas penggajian.

12. Apakah sistem yang akan digunapakai oleh majikan bagi tujuan pengiklanan jawatan kosong?

- Majikan wajib mengiklankan kekosongan jawatan dalam portal MYFutureJobs melalui pautan www.myfuturejobs.gov.my

- Majikan dikehendaki mengisi semua maklumat termasuk nama jawatan, kelayakan akademik, gaji, skop kerja, kemahiran dan kompetensi bagi setiap iklan di portal MYFutureJobs.

13. Apakah bantuan yang boleh diperolehi daripada PERKESO bagi majikan yang ingin mendapatkan bakat tempatan?

- Pegawai PERKESO di setiap negeri akan memberikan bantuan kepada majikan untuk mendapatkan bakat tempatan.
- Pegawai PERKESO juga berfungsi untuk mengkoordinasi penyertaan majikan dalam program-program temu duga yang dianjurkan oleh PERKESO.

14. Adakah majikan perlu memaklumkan semua temu duga yang dilaksanakan bagi jawatan yang dimohon?

- **Ya.** Majikan hendaklah memaklumkan kepada PERKESO bagi sebarang temu duga yang dilaksanakan (rujuk soalan 5).
- Tujuan pemakluman temu duga adalah untuk memastikan PERKESO dapat menghebahkan maklumat temu duga kepada pencari kerja awam dan juga yang berdaftar di portal MYFutureJobs untuk menyertai temu duga yang dilaksanakan pihak majikan.
- Pemakluman temu duga yang akan dijalankan boleh dikemukakan melalui <http://bit.ly/interviewnotificationPERKESO>

15. Nyatakan kaedah pemantauan yang akan dilaksanakan oleh pihak PERKESO dalam memastikan pematuhan majikan terhadap perkara ini?

- Majikan perlu melengkapkan Laporan Pengambilan Pekerja bagi aktiviti temuduga yang dijalankan mengikut jawatan yang diiklankan. Borang ini perlu dikemukakan kepada PERKESO melalui Pegawai seperti di Lampiran 2 **selepas tamat tempoh 30 hari** daripada tarikh pengiklanan kekosongan jawatan.

16. Adakah majikan dibenarkan untuk mengiklankan jawatan kosong dan melaksanakan usaha penempatan pekerjaan melalui kaedah atau menggunakan platform lain?

- **Ya.** Majikan dibenarkan untuk mengiklankan kekosongan jawatan atau mengambil tindakan susulan menggunakan kaedah lain yang bersesuaian. Walau

bagaimanapun, majikan **masih diwajibkan untuk mengiklankan jawatan kosong tersebut di Portal MYFutureJobs minimum 30 hari.**

- Usaha-usaha pengambilan pekerja tempatan boleh dilaksanakan dengan mengadakan program temuduga.

17. Adakah tindakan dan usaha penempatan pekerja tempatan akan mempengaruhi keputusan permohonan penggajian Pekerja Bukan Pemastautin dan Ekspatriat?

- Ya. Mesyuarat Lokalisasi Jawatankuasa Ekspatriat (JKLE) atau Mesyuarat Lokalisasi Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin akan bersidang bagi menimbangkan setiap permohonan majikan berdasarkan hasil usaha yang telah dilaksanakan bagi pengambilan pekerja tempatan.

18. Bagaimana cara untuk mengetahui status berhubung permohonan penggajian Pekerja Bukan Pemastautin dan Ekspatriat?

- Majikan perlu merujuk kepada **JTK Sarawak atau Sistem MSEN (bagi Pekerja Bukan Pemastautin)** untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung status dan keputusan permohonan penggajian Pekerja Bukan Pemastautin.
- Bagi permohonan **Ekspatriat**, majikan boleh merujuk kepada **Jabatan Imigresen Sarawak.**

19. Apakah kelebihan yang disediakan kepada majikan yang mengambil pekerja tempatan?

- Menerusi Belanjawan 2021, majikan boleh mendapat insentif kewangan iaitu Insentif Pengambilan Pekerja dan Latihan di bawah Program PenjanaKerjaya 2.0.
- Kerajaan juga telah melanjutkan program ini dibawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). Permohonan PenjanaKerjaya 3.0 ini dilanjutkan sehingga 31 Disember 2021.
- Program latihan kemahiran dan bantuan mobiliti turut disediakan bagi pekerja tempatan yang baharu diambil bekerja. Bagi inisiatif ini, majikan boleh melayari **www.perkeso.gov.my** untuk maklumat lanjut.

Soalan Lazim Bil. 1 Tahun 2021 adalah berkuatkuasa mulai 12 Julai 2021. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian 082-221 666 atau emel kepada pbppd.sarawak@perkeso.gov.my

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)
12 JULAI 2021

LAMPIRAN 1

**PERMOHONAN PENGESYORAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEKERJA
BUKAN PEMASTAUTIN DAN EKSPATRIAT**

MULA



1. A) Majikan mengisi Borang PBPPD menerusi pautan : <https://bit.ly/PBPPDPERKESO>
& Majikan emel deraf iklan ke pbppd.sarawak@perkeso.gov.my
B) Semakan dan Kelulusan Deraf iklan akan diemel kepada majikan
2. Pendaftaran dan Pengiklanan MyFutureJobs oleh majikan
(Pengiklanan Minimum 30 hari)
3. Iklan Suratkhobar dan RTM oleh majikan





Mengesahkan Laporan Pengambilan Pekerja



*Nota: Kegagalan menghantar **DERAF IKLAN** dalam masa 3 hari boleh mengakibatkan penolakan permohonan atau kelewatan kelulusan.

LAMPIRAN 2

SENARAI NAMA PEGAWAI NEGERI SARAWAK

NO.	NAMA PEGAWAI	NO. TELEFON	E-MEL
1	ROWYNA BLAIR ANAK ROGERS	60192910613	rowyna.rogers@perkeso.gov.my
2	MOHAMAD NAZIRUL HAFIZ BIN MOHAMAD YAKUB	60192906447	hafiz.yakub@perkeso.gov.my
3	MARK ANAK JOHN	60178590811	mark.john@perkeso.gov.my
4	SYAFIQAH HANIM BINTI JEKERIA	60135381936	hanim.jekeria@perkeso.gov.my

LAMPIRAN 3

SENARAI PUSAT MYFUTUREJOBS DI SARAWAK

BIL	SENARAI PEJABAT PERKESO	ALAMAT	TELEFON	EMEL
1	Pejabat PERKESO Negeri Sarawak	Wisma PERKESO, Lot 436, Section 54, No. 52 Travillion Commercial Centre, Jalan Padungan, 93100 Kuching Sarawak	082 - 221 666	pkskuching@perkeso.gov.my
2	Pejabat PERKESO Serian	Sublot 9 & 10, Lot 372 Serian Town District, 94700 Serian Sarawak	082 - 875 057	pksserian@perkeso.gov.my
3	Pejabat PERKESO Sri Aman	Lot 647, Sublot 4, Jalan Paya, Peti Surat 301, 95000 Sri Aman Sarawak	083 - 322 660	pkssriaman@perkeso.gov.my
4	Pejabat PERKESO Sarikei	No. 3, Sublot 5, Jalan Nenas, 96100 Sarikei Sarawak	084 - 654 611	pkssarikei@perkeso.gov.my
5	Pejabat PERKESO Sibul	No.1-5, Lorong Pahlawan 7, Jalan Pahlawan, 96000, Sibul, Sarawak.	084 - 213066	pkssibul@perkeso.gov.my
6	Pejabat PERKESO Kapit	Tingkat Bawah, Satu dan Dua, Di Sublot 8, Lot 3125, Blok 13, Menuan Land District, Peti Surat 4351, 96800 Kapit Sarawak	084 - 797287	pkskapit@perkeso.gov.my
7	Pejabat PERKESO Mukah	No. SL 6, Lot 2141, New Township Extension, Jalan Green, 96400 Mukah Sarawak	084 - 873 530	pksmukah@perkeso.gov.my
8	Pejabat PERKESO Bintulu	No. 180, Lot 3466, Tingkat Bawah, Tingkat 1 & 2, Parkcity Commerce Square, Jalan Tun Ahmad Zaidi, P.O Box 957, 97008 Bintulu Sarawak	086 - 334 617	pksbintulu@perkeso.gov.my
9	Pejabat PERKESO Miri	Lot 1184 & 1185, Blok 9 M.C.L.D, Miri Water Front Commercial Centre, 98000 Miri Sarawak	085 - 419 800	pksmiri@perkeso.gov.my
10	Pejabat PERKESO Limbang	Lot 1083 Jalan Buangsiol Limbang Town District 98700 Limbang Sarawak	085 - 210 742	pkslimbang@perkeso.gov.my

Borang ini boleh dimuat turun melalui Laman Web Rasmi PERKESO


DERAF IKLAN
Draft Advertisement

DERAFIKLAN.PKSSWK (2020)

MYFutureJobs
Our National Employment Services Provider

(Nama, Alamat & No. Tel. Majikan) mempelawa penduduk tempatan untuk memohon : <i>(Name, address & Tel. No. of Employer) invites application from local residents :</i>			
jawatan sebagai : <i>for the post of :</i>		dalam sektor : <i>in the (sector):</i>	
Bil. Kekosongan : <i>No. of Vacancies:</i>			
Tugas : <i>Duties:</i>			
Kelayakan : <i>Qualifications:</i>			
Pengalaman : <i>Experience:</i>			
Gaji pokok sebulan/sehari/sejam: <i>Wages per month / day / hour:</i>			
Elaun (jika ada) : <i>Allowances (if any) :</i>			
Umur / Age : <i>Age / Age :</i>	18 tahun dan ke atas / 18 years and above.		
Tempat tinggal disediakan: <i>Accommodation provided:</i>	(Nyatakan percuma atau beberapa bayaran dikenakan) (State whether provided free of charge or amount charged)		
Faedah-faedah Sampingan (Jika ada): <i>Fringe benefits (If any) :</i>			
Tempat pekerjaan: <i>Place of Employment :</i>			

Sesiapa saja yang berminat perlu mendaftar di portal pekerjaan PERKESO iaitu di <https://candidates.myfuturejobs.gov.my>. Pemohon akan dihubungi oleh Pejabat PERKESO selepas 7 hari dari tarikh iklan ini untuk urusan temuduga.

Those interested have to register via the SOCSO job portal at <https://candidates.myfuturejobs.gov.my>. The applicant will be contacted by SOCSO Office after 7 days from the date of advertisement for the interview session.

Perhatian kepada majikan:

For employer's attention:



- (i) Pastikan semua butiran adalah lengkap dan ditulis dengan jelas untuk kelancaran proses semakan deraf. Iklan di surat khabar yang tidak mengandungi semua butir di atas atau terlalu kecil sehingga tidak dapat di baca tidak akan di terima.
All details must be completed and clearly written for draft reviewing process. Advertisements in newspapers that do not contain all of the above details or are too small and unreadable will not be accepted.
- (ii) Kadar gaji yang ditawarkan kepada pekerja akan berubah tertakluk kepada Pelaksanaan Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2020 [P.U. (A) 5]
Wage rate offered to the worker may change in accordance to the Implementation of Minimum Wages Order (Amendment) 2020 [P.U. (A) 5]

 Untuk Kegunaan Pejabat / For Office Use Only

* SEMAKAN OLEH PEGAWAI :	
Tarikh Lulus Deraf Iklan :	Cop Akuan Penerimaan :
Tandatangan :	
Nama Pegawai :	

*Silakan gunakan cop rasmi Pejabat.

** Borang DERAFIKLAN.PKSSWK(2020) hendaklah dikemukakan secara bertaip

		LAPORAN PENGAMBILAN PEKERJA TEMPATAN <i>Nota: Laporan ini perlu dihantar selepas tamat tempoh pengiklanan minimum 30 hari</i>	
A.	Nama Jawatan (seperti yang diiklankan)		
B.	Nama Majikan		
C.	No Pendaftaran Syarikat (SSM/ROB/ROC dll)		
D.	No Kod Majikan (Sekiranya Ada)		
E.	No Telefon Majikan		
F.	Emel Majikan		
G.	Tarikh & Masa Temuduga		
H.	Lokasi Temuduga		

BIL	No Kad Pengenalan Malaysia	Nama Calon	No Telefon	Emel	Jantina	Tahap Pendidikan	Keputusan	Ulasan (Sebab Gagal)
1								
2								
3								
4								
5								
6								
7								
8								
9								
10								

Sila sambung di tab seterusnya

Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar dan betul. Saya sesungguhnya faham sekiranya apa-apa maklumat yang saya berikan atau pengesahan akuan ini adalah tidak benar, tidak betul atau palsu, boleh menyebabkan kelewatan permohonan ini diproses atau permohonan boleh ditolak.

PENGESAHAN MAJIKAN		PENGESAHAN PEGAWAI (UNTUK TINDAKAN PERKESO)	
TANDATANGAN		TANDATANGAN	
.....		
Nama		Nama	
Jawatan		Jawatan	
Tarikh		Tarikh	
Cop Syarikat		Cop Pegawai	

Nota:

- Borang ini perlu diisi menggunakan format Excel yang boleh dimuat turun melalui laman web PERKESO
- Majikan perlu menyenaraikan semua calon yang memohon di portal MYFutureJobs di dalam senarai ini.
- Kelewatan majikan mengemukakan Laporan Pengambilan Pekerja boleh mengakibatkan kelewatan pemprosesan.